

**SEJARAH PENTADBIRAN SULTAN
ALAEDDIN SULAIMAN SHAH
(1898-1938)**



PUTERI MUWAIKRAH BINTI AFRIZAL

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2022

**SEJARAH PENTADBIRAN SULTAN
ALAEDDIN SULAIMAN SHAH
(1898-1938)**

PUTERI MUWAIKHAH BINTI AFRIZAL



**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN
KEPUJUAN SEJARAH**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN
KEMANUSIAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa Latihan Ilmiah yang bertajuk Sejarah Pentadbiran Sultan Alaeddin Sulaiman Shah (1898-1938) ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan, ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



12 OGOS 2022

PUTERI MUWAIRAH
BINTI AFRIZAL
BA19110432



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

JUDUL : **SEJARAH PENTADBIRAN SULTAN ALAEDDIN SULAIMAN SHAH (1898-1938)**

IJAZAH : **SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN**

BIDANG : **SEJARAH**

Saya **PUTERI MUWAIKRAH BINTI AFRIZAL** sesi **2019-2022** mengaku dan membenarkan Latihan Ilmiah ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Latihan Ilmiah ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Latihan Ilmiah ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/) :

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

/

TIDAK TERHAD

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan Oleh,



PUTERI MUWAIKRAH BINTI AFRIZAL
BA19110432



(Prof. Madya Dr Mohd Sohaimi Esa)
Penyelia

Tarikh: 12 Ogos 2022

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi kerana dengan izin serta limpah kurnia-Nya, pengkaji telah dibekalkan dengan kekuatan dan ketabahan bagi menyiapkan penulisan tesis ini untuk memenuhi syarat Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian (Sejarah) dalam tempoh masa yang ditetapkan. Pengkaji juga amat bersyukur kerana segala masalah serta kekangan yang dihadapi sepanjang menjalankan kajian ini telah berjaya diatasi dengan sebaiknya. Segala permasalahan serta dugaan yang dihadapi juga telah menjadikan pengkaji menjadi seorang insan yang tidak mengenal erti lelah dan lebih mengenal erti manisnya sebuah kejayaan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Prof. Madya. Dr. Mohd Sohaimi Esa selaku penyelia yang telah banyak berkorban jasa, masa, tenaga, bakti, bimbingan serta nasihat yang cukup berguna bagi saya. Beliau juga telah banyak memberikan dorongan dan kata-kata semangat kepada saya dalam menjalankan kajian ini. Segala tunjuk ajar yang diberikan ini hanya mampu dibalas dengan iringan doa yang dititipkan. Di kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya iaitu Encik Afrizal bin Safii dan Puan Noraisah binti Mohd Hanafiah kerana telah banyak memberi sokongan moral serta titipan doa buat saya sepanjang menulis tesis ini. Buat adik-beradik yang tersayang iaitu Muhammad Haiqal Hakimi bin Afrizal dan Puteri Muyassarah Nur Assyawarah binti Afrizal, sekalung penghargaan diucapkan atas kesudian membantu dari pelbagai sudut sepanjang saya menjayakan tesis ini. Demikian juga buat sang suami tercinta iaitu Muhammad Azzied bin Azlan yang telah banyak berkorban keringat dan masa dalam membantu saya menyempurnakan kajian ini. Segala pertolongan dan bantuan yang disalurkan dari pelbagai sudut ini tidak mampu dibalas melainkan dengan menghadiahkan segulung ijazah.

Di samping itu, tidak dilupakan juga segulung ucapan terima kasih diucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan, terutamanya Nurul Syahirah binti Awang Putera, Nursharmillah Hanim binti Sani dan Norhayati Daming yang telah bersama-sama menjalani liku-liku cabaran sepanjang menyiapkan penulisan tesis ini. Segala kekangan yang dihadapi ini menjadikan saya bersama rakan-rakan agar lebih dewasa untuk menghadapi rintangan dunia luar khususnya agar lebih bersedia di alam pekerjaan. Akhir kata, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih sekali lagi kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penulisan tesis ini. Semoga jasa anda semua dibalas dengan segala kebaikan oleh yang Maha Kuasa.

PUTERI MUWAIKRAH BINTI AFRIZAL
12 OGOS 2021

ABSTRAK

Kajian ini memberi tumpuan terhadap galuran Sejarah Pentadbiran Sultan Alaeddin Sulaiman Shah (1898-1938). Umumnya, historiografi negeri Selangor telah memaparkan lipatan sejarah yang amat panjang berikutan berlangsungnya pelbagai peristiwa seperti pembentukan asas Kesultanan Selangor. Sukar untuk dinafikan bahawa kewujudan institusi kesultanan di Selangor yang masih kekal sehingga hari ini terbentuk rentetan kedatangan golongan bangsawan Bugis yang cukup terkenal dengan gelaran Opu Bugis Lima Bersaudara. Hal ini demikian kerana salah seorang daripada Opu Bugis Lima Bersaudara tersebut iaitu Daeng Chelak ibni Opu Tendriburang Daeng Rilaka ibni Raja La Madussalat telah datang ke negeri Selangor bagi membantu menyelesaikan pergolakan politik dalam Perang Klang. Kehebatan yang ditonjolkan oleh Daeng Chelak ini menyebabkan beliau cukup disenangi oleh para pembesar serta seluruh masyarakat di negeri Selangor. Walau bagaimanapun, beliau telah menghantar puteranya iaitu Raja Lumu untuk terus menetap dan mentadbir di kawasan tersebut. Bertitik tolak kepada hal tersebut, Raja Lumu telah menjadi pengasas kepada Kesultanan Selangor yang terbentuk pada tahun 1766 dengan menggunakan gelaran sebagai Sultan Salehuddin Shah. Selepas pertabalan Sultan Salehuddin Shah oleh Sultan Perak, legasi kesultanan Selangor telah diteruskan oleh waris baginda. Salah seorang waris baginda ialah Sultan Alaeddin Sulaiman Shah yang telah ditabalkan menjadi Sultan Selangor Kelima pada tahun 1898. Era pentadbiran baginda ini telah mempamerkan ketokohan baginda sebagai pemerintah terulung di negeri Selangor. Baginda telah banyak memainkan peranan penting dalam perkembangan pendidikan serta menyalurkan pelbagai sumbangan terhadap institusi agama Islam khususnya di Selangor. Oleh hal yang demikian, kajian ini akan memfokuskan kepada permasalahan yang timbul iaitu bagaimanakah latar belakang Kesultanan Selangor serta kaitannya dengan Bugis. Kajian ini juga akan menjelaskan peranan Sultan Alaeddin Sulaiman Shah dalam aspek pendidikan terutamanya di Selangor. Di samping itu, kajian ini juga akan menyingkap sumbangan yang dimainkan oleh baginda dalam institusi agama Islam. Kajian ini menggunakan kaedah kajian lapangan dan juga kepustakaan dengan meneliti karya-karya yang berkaitan.

Kata Kunci: Kesultanan Selangor, Sultan Alaeddin Sulaiman Shah, Pendidikan, Agama Islam

ABSTRACT

This study focuses on the administrative history of Sultan Alaeddin Sulaiman Shah (1898-1938). In general, the historiography of the state of Selangor has displayed a very long history due to various events such as the formation of the foundation of the Selangor Sultanate. It is hard to deny that the existence of the Sultanate institution in Selangor which still remains until today, formed a string of arrivals of the Bugis nobility, who are quite famous with the title Five Opu Bugis Brothers. This is because one of the brothers, Daeng Chelak, son of Opu Tendriburang Daeng Rilaka ibni Raja La Madussalat, has come to the Selangor to resolve the political turmoil in the Klang War. The heroism highlighted by Daeng Chelak caused him to be well liked by the dignitaries as well as the entire community in the state of Selangor. However, he eventually sent his son, Raja Lumu, to reside and govern Selangor. Based on that, Raja Lumu became the founder of the Sultanate of Selangor which was formed in 1766 by using the title of Sultan Salehuddin Shah. After the coronation of Sultan Salehuddin Shah by the Sultan of Perak, the legacy of the Selangor Sultanate was continued by His heirs. One of the heirs is Sultan Alaeddin Sulaiman Shah who was installed as the Fifth Sultan of Selangor in 1898. This era of His Majesty's administration has showcased his stature as the foremost ruler in the state of Selangor. His Majesty has played an important role in the development of education and made various contributions to Islamic religious institutions, especially in Selangor. Therefore, this study will focus on the problem that arises, which is the background of the Selangor Sultanate and its connection with the Bugis. This study will also explain the role of Sultan Alaeddin Sulaiman Shah in the aspect of education, especially in Selangor. In addition, this study will also reveal the contribution made by His Majesty to Islamic religious institutions. This study uses the method of field research and also literature by examining related works.

Keywords: Selangor Sultanate, Sultan Alaeddin Sulaiman Shah, Education, Islamic Religion

ISI KANDUNGAN

TAJUK	HALAMAN
PENGAKUAN	i
PENGESAHAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
<i>ABSTRACT</i>	v
SENARAI KANDUNGAN	vi-viii
SENARAI PETA	ix
SENARAI JADUAL	x
SENARAI GAMBAR	xi-xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1-3
1.2 Permasalahan Kajian	3-4
1.3 Objektif Kajian	4-5
1.4 Sorotan Literatur	5-11
1.5 Kepentingan Kajian	11-12
1.6 Skop Kajian	12-13
1.7 Metodologi Kajian	14-15
1.8 Pembahagian Bab	15-17
1.9 Kesimpulan	18
BAB 2: LATAR BELAKANG KESULTANAN SELANGOR	
2.1 Pengenalan	19-20
2.2 Kedatangan Opu Bugis Lima Bersaudara	20-27
2.3 Sejarah Latar Belakang Kesultanan Selangor	27-30
2.3.1 Sultan Salehuddin Shah (1743-1782)	30-34
2.3.2 Sultan Ibrahim (1782-1826)	35-37
2.3.3 Sultan Muhammad (1826-1857)	38-40

	2.3.4	Sultan Abdul Samad (1859-1898)	40-42
2.4		Riwayat Hidup Sultan Alaeddin Sulaiman Shah	43-47
2.5		Sultan Alaeddin Sulaiman Shah Sebagai Sultan Selangor Kelima	47-51
2.6		Istana Bandar Sebagai Tinggalan Bersejarah	52-55
	2.6.1	Seni Bina	55-60
2.7		Kesimpulan	61

BAB 3: PERANAN SULTAN ALAEDDIN SULAIMAN SHAH DALAM PERKEMBANGAN PENDIDIKAN

3.1		Pengenalan	62-63
3.2		Sistem Pendidikan Era Kolonial British	63-66
	3.2.1	Sekolah Vernakular Melayu	66-69
	3.2.2	Sekolah Vernakular Cina	69-71
	3.2.3	Sekolah Vernakular Tamil	71-73
3.3		Perkembangan Pendidikan di bawah Pemerintahan Sultan Alaeddin Sulaiman Shah	74
	3.3.1	Sekolah Melayu Bandar Di Kuala Langat	74-79
	3.3.2	Sekolah Victoria	79-81
	3.3.3	Sekolah Teknik Treacher	81-82
	3.3.4	Sekolah Pertanian Malaya	83-84
	3.3.5	Sekolah Pertenunan Klang	84-85
	3.3.6	Madrasah Marta' al-'Ulum al-Diniyyah	85-86
3.4		Kesimpulan	87

BAB 4: SUMBANGAN SULTAN ALAEDDIN SULAIMAN SHAH DALAM INSTITUSI AGAMA ISLAM

4.1		Pengenalan	88-89
4.2		Masjid Bandar, Jugra	89-95
4.3		Masjid Diraja Sultan Suleiman Shah, Klang	95-95
4.4		Masjid Jamek, Kuala Lumpur	99-101
4.5		Sumbangan Dalam Penulisan	101

4.5.1	Kitab Pohon Ugama Bahagian Rukun Iman	102-103
4.5.2	Kitab Melatih Kanak-Kanak Laki-Laki Dan Perempuan	103-104
4.6	Sumbangan Dalam Undang-Undang Islam	104-106
4.7	Kesimpulan	107
BAB 5:	RUMUSAN	108-112
BIBLIOGRAFI		113-119
LAMPIRAN		120-121



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI PETA

	HALAMAN
Peta 2.2 : Peta Pelayaran Opu Bugis Lima Bersaudara	21
Peta 2.3.3 : Peta Kedudukan Lukut	39
Peta 2.6 : Sempadan Mukim Bandar Jugra	52
Peta 3.3.1 : Peta Daerah Kuala Langat	75
Peta 3.3.2 : Peta Sekolah Victoria	80



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	HALAMAN
Jadual 3.2 : Jenis Pelajaran Yang Diajar	65
Jadual 3.2.1 : Sekolah Rendah Awal di Selangor	67
Jadual 3.2.2 : Sekolah-sekolah Cina	70
Jadual 3.2.3 : Sekolah-sekolah Tamil Terawal di Selangor	72



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI GAMBAR

	HALAMAN
Gambar 2.2.1 : Kitab Tuhfat al-Nafis	24
Gambar 2.2.2 : Salasilah Raja Ali Haji bin Raja Ahmad	26
Gambar 2.3 : Meriam Lela di Muzium Negara	30
Gambar 2.3.1 : Makam Daeng Chelak di Pulau Bintan, Indonesia	31
Gambar 2.3.1.1 : Salasilah Kesultanan Selangor	34
Gambar 2.3.2 : Meriam Belanda di Kota Melawati	37
Gambar 2.3.4.1 : Makam Sultan Abdul Samad di Jugra, Kuala Langat	42
Gambar 2.4 : Warkah pelantikan YAM Raja Sulaiman Shah sebagai Raja Muda Selangor oleh Paduka Nenda baginda	45
Gambar 2.4.1 : Sultan Alaeddin Sulaiman Shah bersama Permaisurinya, Tengku Ampuan Zabedah	46
Gambar 2.5 : DYMM Sultan Alaeddin Sulaiman Shah	48
Gambar 2.5.1 : Majlis Istiadat Pertabalan DYMM Sultan Alaeddin Sulaiman Shah di Istana Jugra	49
Gambar 2.5.2 : Koleksi Pingat Penghormatan dari kerajaan England	50
Gambar 2.5.3 : Upacara Pemakaman Sultan Alaeddin Sulaiman Shah	51
Gambar 2.6 : Istana Bandar, Jugra	53
Gambar 2.6.1 : Ruang Kaki Lima Istana Bandar	54
Gambar 2.6.1.1 : Seni Bina Istana Bandar	56
Gambar 2.6.1.2 : Ciri Reka Bentuk Timur Tengah	57
Gambar 2.6.1.3 : Pintu Gerbang Istana Jugra dengan ukiran tahun 1914	58
Gambar 2.6.1.3 : Panel Ukiran Kayu Perhiasan Siling Istana Bandar	59
Gambar 2.6.1.4 : Plak Akta Warisan Kebangsaan	59
Gambar 3.2.3 : Sekolah Tamil di Tanah Melayu pada tahun 1912	73
Gambar 3.3.1 : Sekolah Melayu pada sekitar tahun 1890	77
Gambar 3.3.1.1 : Struktur Bangunan Methodist Girls School	78
Gambar 3.3.2 : Sekolah Victoria di Bukit Petaling	81

Gambar 3.3.3	: Sekolah Teknik Treacher	82
Gambar 3.3.4	: Sekolah Pertanian Malaya	83
Gambar 4.2.1	: Mimbar di Istana Bandar	91
Gambar 4.2.2	: Ruang Tambahan yang dicat dengan warna kuning	92
Gambar 4.2.3	: Papan Tanda Majid Bandar	93
Gambar 4.2.4	: Siling yang dihiasi dengan ayat suci di Majid Bandar	94
Gambar 4.2.3	: Plak Akta Warisan Kebangsaan	95
Gambar 4.3	: Masjid Diraja Sultan Suleiman, Klang	96
Gambar 4.3.1	: Mimbar yang diperbuat daripada kayu dan besi	97
Gambar 4.3.2	: Ruang Solat Utama Masjid	99
Gambar 4.4	: Seni Bina Masjid Jamek, Kuala Lumpur	100
Gambar 4.5.1	: Kulit Kitab Pohon Ugama Bahagian Rukun Iman	102
Gambar 4.6	: Persidangan Durbar Negeri-negeri Melayu Bersekutu	106



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

DYMM	-	DULI YANG MAHA MULIA
YAM	-	YANG AMAT MULIA
IPT	-	INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

		HALAMAN
Lampiran A	Gambar temu bual bersama Puan Hazita bt Mohd Sumali	120
Lampiran B	Gambar Kajian Lapangan di Istana Bandar	121



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Selangor pada dasarnya merupakan sebuah negeri yang indah dan makmur yang terletak di kawasan pantai barat Semenanjung Malaysia mengelilingi Kuala Lumpur. Kedudukan Selangor juga terletak berhampiran dengan Selat Melaka di sebelah barat serta negeri Perak di bahagian utara. Selangor juga merupakan negeri yang bersebelahan dengan Negeri Sembilan di bahagian selatan dan Pahang di bahagian timur. Jika ditelusuri dari konteks sejarah, Selangor merupakan salah satu negeri yang menjadi rebutan antara kuasa-kuasa utama seperti Kerajaan Majapahit sehingga berlaku penaklukan British pada abad ke-18. Selangor juga pernah berada dalam jajahan takluk Kesultanan Melayu Melaka semasa era kegemilangan empayar tersebut. Meskipun begitu setelah kejatuhan empayar Melaka pada sekitar tahun 1511 Masihi, Sultan Alauddin Riayat Syah II telah menjadikan Selangor sebagai jajahan takluk negeri Johor.¹ Secara umumnya, terdapat lima buah sungai yang besar yang berkembang serta mempunyai seorang pembesar atau lebih dikenali sebagai 'Orang Besar' yang patuh kepada Sultan. Penyatuan lima buah sungai iaitu Sungai Kelang, Sungai Bernam, Jugra, Sungai Langat dan Sungai Selangor telah menjadi titik tolak kepada penubuhan negeri Selangor dan jajahan takluknya.² Pada November 1766, Klang telah diiktiraf sebagai sebuah kerajaan negeri secara daulat sebelum terbentuknya negeri Selangor.

¹ Zakiah Hanum, *Asal-usul Negeri-negeri di Malaysia: Negeri Selangor*, Petaling Jaya: Times Book International, 1989, hlm. 74.

² Aisyah Ab Rahim & Mohd Roslan Mohd Nor, Tokoh Ulama Termasyhur Dalam Perkembangan Islam di Selangor Sebelum Merdeka (1900-1957): Satu Tinjauan Biografi, *Jurnal Al-Muqaddimah*, Bil. 2(2), 2014, hlm. 91.

Pada hakikatnya, nama negeri Selangor telah diambil bersempena dengan nama sebatang sungai iaitu Sungai Selangor. Istilah Selangor itu sendiri dipilih sebagai nama kerajaan negeri tersebut sesuai dengan kehendak Raja Lumu ibni Daeng Chelak atau lebih dikenali sebagai Sultan Salehuddin Shah yang juga merupakan Sultan Selangor Pertama. Sultan Mahmud yang merupakan sultan bagi negeri Perak telah menabalkan Sultan Salehuddin sebagai Sultan Selangor Pertama yang sekali gus menjadikan baginda penaung kepada era kesultanan di Selangor.³ Perlantikan Sultan Salehuddin Shah sebagai Sultan Selangor bermula dari tahun 1766 sehingga tahun 1782 iaitu kira-kira selama enam belas tahun. Selain itu, Sultan Salehuddin Shah juga pernah menjadi pemerintah Selangor pada tahun 1743 dengan gelaran Yamtuan Selangor dan Raja Selangor pertama pada 1743 hingga 1766. Lokasi pentadbiran baginda iaitu di sekitar Sungai Selangor menyebabkan terbentuknya nama serta istilah negeri Selangor. Walau bagaimanapun sebelum kemunculan pemerintahan berbentuk kesultanan di Selangor yang diasaskan oleh Sultan Salehuddin Shah, negeri Selangor pada hakikatnya sudah ditadbir oleh beberapa pemerintah seperti Paduka Mamat di Jeram (1459-1477) dan Tun Perak iaitu Penghulu Klang (1446-1459) yang dilantik oleh Sultan Muzaffar Shah.⁴ Pada tahun 1700, Arung Pasarai yang berketurunan Bugis telah dilantik oleh Dato' Ungku Klang sebagai pemerintah Selangor. Pemerintahan tersebut kemudiannya diganti kepada Raja Siti serta diteruskan oleh Raja Lumu ibni Daeng Chelak yang turut dikenali sebagai Sultan Salehuddin Shah.

Sukar untuk menafikan hubungan antara Kesultanan Selangor dan Bugis kerana Daeng Chelak iaitu ayahanda kepada Sultan Salehuddin Shah merupakan keluarga bangsawan Bugis yang cukup terkenal dengan gelaran Opu Bugis Lima Bersaudara. Keluarga bangsawan Bugis tersebut terdiri daripada 5 orang pahlawan iaitu Daeng Chelak, Daeng Marewah, Daeng Parani, Daeng Manambun dan Daeng Kemasi.⁵ Kelima-lima bangsawan Bugis ini juga merupakan putera kepada Opu Tendriburang Daeng Rilaka ibni Raja La Madussalat.⁶ Dengan kehadiran bangsawan

³ Abdullah Zakaria Ghazali (ed.), *Sejarah Negeri Selangor Dari Zaman Prasejarah Hingga Kemerdekaan*, Shah Alam: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Selangor, 2005, hlm. 95.

⁴ *Ibid.*

⁵ *Ibid.*

⁶ *Ibid.*

Bugis tersebut, bermulalah pembentukan kesultanan di Selangor rentetan kedatangan Raja Lumu ibni Daeng Chelak. Lipatan sejarah negeri Selangor ini diteruskan dengan perlantikan Sultan Alaeddin Sulaiman Shah yang telah diangkat menjadi Sultan Selangor yang kelima. Namun yang demikian, penjajah asing seperti kolonial British mula bertapak di negeri tersebut semasa era pentadbiran Sultan Alaeddin Sulaiman Shah pada abad ke-18. Bertapak British di negeri Selangor telah didorong oleh faktor daya tarikan ekonomi serta kekayaan hasil bumi seperti lombong bijih timah. British juga mula campur tangan dalam sektor pentadbiran dan pemerintahan di Selangor. Hal ini secara tidak langsung telah merencamkan lagi corak pensejarahan negeri Selangor sebelum merdeka. Justeru itu, penulisan ilmiah dan kajian yang dijalankan ini berupaya menjadi satu nilai tambah buat para pengkaji serta ahli akademik lain dalam meluaskan pengetahuan tentang Sejarah Pentadbiran Sultan Alaeddin Sulaiman Shah bermula pada tahun 1898 sehingga tahun 1938.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Pada dasarnya, kajian ini sememangnya unik dan berbeza dengan kajian-kajian yang dijalankan oleh para ahli sejarawan serta pengkaji-pengkaji lain. Kajian yang bertajuk "Sejarah Pentadbiran Sultan Alaeddin Sulaiman Shah (1898-1938)" ini merupakan sebuah penyelidikan yang meneliti peranan Sultan Alaeddin Sulaiman Shah sebagai sultan Selangor ke. Isu yang ingin dikaji ini juga mempunyai keistimewaan kerana sumber-sumber rujukan dan bahan pembacaan mengenai sejarah Sultan Alaeddin Sulaiman Shah amat terhad dan kajiannya juga adalah terbatas. Permasalahan kajian ini dibina berdasarkan kepada objektif kajian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji.

Dalam kajian ini, pengkaji mengemukakan tiga persoalan atau permasalahan iaitu bagaimanakah latar belakang Kesultanan Selangor serta kaitannya dengan Bugis. Persoalan yang dikemukakan ini adalah untuk mencari jawapan mengenai asal-usul kemunculan orang Bugis di Selangor sehingga terbentuknya era kesultanan yang pertama di Selangor. Selaras dengan itu, persoalan tersebut juga ingin merungkai latar belakang atau salasilah Kesultanan Melayu-Bugis yang bermula daripada era Sultan Salehuddin Shah.

Permasalahan yang kedua pula timbul bagi menyingkap dan mengkaji apakah peranan Sultan Alaeddin Sulaiman Shah dalam aspek perkembangan pendidikan di Selangor. Isu ini dibangkitkan bagi meneliti sejauh manakah Sultan Alaeddin Sulaiman Shah telah memainkan peranan baginda sebagai pemerintah Selangor yang kelima selama 51 tahun. Jelasnya, pentadbiran era Sultan Alaeddin Sulaiman Shah agak berbeza sedikit berbanding dengan era pemerintah-pemerintah selangor terdahulu. Hal ini demikian kerana Sultan Alaeddin merupakan sultan yang telah banyak berkorban jasa dan tenaga dalam menaik taraf serta memperkembangkan bidang pendidikan khususnya di Selangor. Maka, aspek peranan ini akan menjadi fokus kajian terhadap perkembangan pendidikan di Selangor semasa era pemerintahan Sultan Alaeddin Sulaiman Shah.

Persoalan dan permasalahan yang ketiga ialah apakah sumbangan baginda Sultan Alaeddin dalam institusi agama Islam di Selangor. Persoalan ini dibangkitkan bagi menyelesaikan isu kebenaran sama ada Sultan Alaeddin memberi sumbangan yang cukup besar terhadap institusi agama Islam khususnya di negeri Selangor pada era pemerintahan baginda. Baginda juga merupakan pemerintah yang amat menitikberatkan kepentingan agama Islam sehingga baginda digelar sebagai sultan yang berjiwa ulama. Justeru itu, permasalahan-permasalahan yang dikemukakan dalam kajian ini memudahkan pengkaji itu merungkai segala jawapan berdasarkan kepada isu yang dibangkitkan.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Pada umumnya, kajian yang ini adalah bertujuan bagi membincangkan secara mendalam mengenai sejarah Sultan Alaeddin Sulaiman Shah di Selangor pada tahun 1898 hingga 1938. Berdasarkan tujuan kajian ini, terdapat tiga objektif utama yang dibentuk bagi menyempurnakan kajian iaitu:

1. Meneliti latar belakang Kesultanan Selangor yang terbentuk pada tahun 1766 sehingga dikaitkan dengan kedatangan Bugis ke Selangor.
2. Mengkaji peranan Sultan Alaeddin Sulaiman Shah dalam perkembangan pendidikan khususnya di Selangor.

3. Mengenal pasti sumbangan Sultan Alaeddin Sulaiman Shah dalam institusi agama Islam.

1.4 SOROTAN LITERATUR

Kajian mahupun penyelidikan yang merangkumi cakupan sejarah yang berkaitan dengan negeri Selangor adalah amat terhad khususnya apabila melibatkan zaman kesultanan di negeri tersebut. Kebanyakan kajian-kajian lepas juga dilihat kurang meneliti pentadbiran sultan yang kelima bagi negeri Selangor Darul Ehsan iaitu Sultan Alaeddin Sulaiman Shah. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan karya utama yang dihasilkan oleh Khoo Kay Kim (1985)⁷ yang memberikan gambaran lengkap mengenai sejarah awal negeri Selangor. Karya tersebut telah memberi perincian mengenai Raja Lumu yang lebih dikenali sebagai Sultan Salehuddin sebagai pemerintah pertama bagi negeri Selangor. Dalam pada itu, karya tersebut juga turut mengupas mengenai dinasti mahupun pemerintahan awal kerajaan Selangor yang dikatakan bermula dengan kedatangan lima orang bangsawan dari Bugis. Putera kepada salah seorang bangsawan Bugis iaitu Raja Lumu telah diangkat menjadi pemerintah Selangor yang pertama dalam sejarah. Jelasnya, karya tersebut telah memfokuskan secara terperinci mengenai latar belakang Kesultanan Selangor yang secara tidak langsung membantu menjawab persoalan dan objektik kajian. Walau bagaimanapun, karya ini kurang meneliti aspek pentadbiran Sultan Alaeddin Sulaiman Shah di Selangor pada tahun 1898 hingga 1938.

Buku yang dikarang oleh Haji Buyong Adil (1981)⁸ menerangkan mengenai sejarah awal kewujudan Kesultanan Melayu-Bugis di Selangor. Buku tersebut secara umumnya memberi penerangan yang mendalam tentang perjalanan sejarah negeri Selangor yang bermula dari kedatangan awal orang Bugis di Selangor sehingga membentuk salasilah kesultanan di negeri tersebut. Di samping itu, buku tersebut turut memuatkan intipati-intipati penting berkenaan dengan peristiwa-peristiwa yang merangkumi sejarah zaman kesultanan lampau di negeri Selangor. Penulisan

⁷ Khoo Kay Kim, Raja Lumu/Sultan Salehuddin: The Founding of The Selangor Dynasty, *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 58, No. 2(249), 1985.

⁸ Haji Buyong Adil, *Sejarah Selangor*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981.

tersebut turut menghuraikan kedatangan keluarga bangsawan Bugis lima bersaudara yang telah menewaskan Raja Kechil di Riau. Perkahwinan Daeng Chelak dengan salah sebuah keluarga diraja Melayu menyebabkan beliau dikurniakan seorang putera yang dinamakan sebagai Raja Lumu. Menurut Haji Buyong adil juga, Raja Lumu telah diangkat sebagai "Raja Selangor" dengan gelaran Sultan Salehuddin Shah. Namun begitu, buku tersebut tidak menceritakan secara terperinci mengenai aspek pentadbiran Sultan Alaeddin Sulaiman Shah.

Di samping itu, kajian penulisan ilmiah yang ditulis oleh Nurul Huda binti Mohd Bisri (2003)⁹ pula merupakan sebuah hasil karya yang hanya memberi fokus terhadap konteks perkembangan agama Islam di Selangor melalui peranan yang dimainkan oleh Kesultanan Melayu-Bugis. Karya tersebut menghuraikan mengenai peranan Kesultanan Melayu-Bugis terhadap usaha-usaha mengembangkan serta meningkatkan syiar Islam di Selangor sejak awal penubuhannya sehingga negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Penubuhan awal kerajaan mahupun era kesultanan di Selangor jelasnya adalah bertunjangkan kepada kedatangan pihak Bugis di negeri tersebut. Hal ini dapat dikaitkan dengan latar belakang Sultan Salehuddin atau lebih dikenali sebagai Raja Lumu yang dilantik menjadi sultan pertama bagi negeri Selangor. Perkara tersebut membuktikan bahawa wujud hubungan salasilah kekeluargaan yang membabitkan Sultan Salehuddin Shah sebagai pemerintah yang berasal mahupun berketurunan Bugis. Kajian ini menggalurkan sejarah awal kedatangan dan penempatan Orang Bugis di Selangor. Namun yang demikian, karya penulisan tersebut pada hakikatnya tidak memfokuskan sumbangan Sultan Alaeddin dalam institusi agama Islam bagi menjawab objektif yang ketiga.

J. M. Gullick (1992) dalam bukunya yang bertajuk *A history of Selangor 1766-1939*¹⁰ meneliti perkembangan pentadbiran Kesultanan Selangor bermula sejak tahun 1766 iaitu pada era pemerintahan Sultan Salehuddin Shah sehingga akhir pentadbiran British pada tahun 1941. Buku tersebut secara umumnya membincangkan mengenai peranan-peranan yang dimainkan oleh para Sultan Selangor dalam mentadbir urus kerajaan negeri secara sistematik. Di samping itu,

⁹ Nurul Huda binti Mohd Bisri, Peranan Kesultanan Melayu-Bugis terhadap perkembangan Islam di Selangor: Suatu Kajian Sejarah, *Tesis Sarjana*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2003.

¹⁰ J. M. Gullick, *A History of Selangor 1766-1939*, Kuala Lumpur: Falcon Press Sdn. Bhd., 1992.

buku tersebut juga turut menggalurkan beberapa peristiwa penting yang tercetus di negeri Selangor seperti Perang Kelang, Perlanungan dan kemerosotan ekonomi. Walau bagaimanapun, karya beliau dilihat tidak begitu menonjolkan penglibatan Sultan-sultan Selangor dalam aspek pentadbiran secara terperinci malahan beliau mengkritik pentadbiran kesultanan negeri Selangor yang di anggap lemah. Karya yang dihasilkan oleh Gullick juga tidak menggambarkan sumbangan-sumbangan para pemimpin negeri Selangor khususnya Sultan Alaeddin Sulaiman Shah.

Seterusnya, R.O. Winstedt (1934)¹¹ dalam karya beliau membincangkan mengenai latar belakang sejarah negeri Selangor yang bermula sejak perkembangan zaman Kesultanan Selangor pada tahun 1766. Jika diteliti dengan lebih mendalam, karya tersebut turut memuatkan pensejarahan kedatangan awal orang Bugis ke negeri Selangor seperti yang diketengahkan oleh penulis-penulis lain seperti Haji Buyong Adil dan Khoo Kay Kim. Penulisan ini membangkitkan beberapa persoalan seperti bilakah tarikh sebenar Raja Lumu menggunakan gelaran Sultan Salehuddin Shah sebagai Sultan Selangor yang pertama dalam sejarah. Pada hakikatnya, Raja Lumu telah menganggap dirinya sebagai pemerintah bagi negeri Selangor sebelum tahun 1766 lagi, namun baginda yang berketurunan Bugis tersebut ingin mengukuhkan takhtanya di Selangor melalui pertabalan yang dilakukan oleh Sultan Perak. Maka dengan itu, baginda akhirnya menggunakan gelaran Sultan Salehuddin Shah dan menjadi pemerintah Kesultanan Selangor dari tahun 1766 sehingga 1782. Namun yang demikian, karya R. O. Winstedt ini dilihat kurang memfokuskan perjalanan sejarah kepimpinan Sultan Alaeddin Sulaiman Shah dari sudut peranan dalam bidang pendidikan dan sumbangan dalam institusi agama Islam.

Karya yang dikarang oleh Mohamad Amin Hasaan (1972)¹² secara amnya membincangkan tentang sejarah awal kerajaan negeri Selangor dan rakyatnya sebelum abad ke-19. Karya artikel dalam jurnal ini menghuraikan mengenai kedatangan pedagang-pedagang Bugis ke Tanah Melayu melalui Selat Melaka sehingga kelompok terbabit membuka petempatan di negeri Selangor secara meluas pada sekitar tahun 1681. Kemunculan orang Bugis di Selangor juga dikatakan

¹¹ R.O. Winstedt, A History of Selangor, *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 12, No. 3(210), 1934.

¹² Mohamad Amin Hasaan, Selangor: Brief Description of Its Country and People Before The Middle of The Nineteenth Century, *Malaysia dari Segi Sejarah (Malaysia in History)*, 1972.

bermula sejak kedatangan bangsawan Bugis iaitu Opu Daeng Chelak. Selain meneliti sejarah awal kedatangan Bugis ke Selangor, karya ini turut menyampaikan hujah berkenaan aspek ekonomi yang berkembang pada sekitar abad ke-18 dan juga 19. Meskipun begitu, penulisan tersebut tidak menjelaskan peranan dan sumbangan Sultan Alaeddin Sulaiman Shah sebagai salah seorang pemerintah Selangor.

Selain itu, penulisan Ahmad Farhan & Mohd. Samsudin (2019)¹³ menganalisis pembentukam Kesultanan Selangor pada November 1766. Penulisan ini telah memberikan gambaran lengkap mengenai pengasas Kesultanan Selangor iaitu Sultan Salehuddin Shah ibni Daeng Chelak. Sejajar dengan itu, penulisan ini turut menjelaskan tentang kedatangan bangsawan Bugis yang berasal dari kerajaan Luwu sehingga tiba di Johor. Perbincangan tersebut lebih memfokuskan kepada aspek pemerintahan dan politik Kesultanan Melayu Selangor. Hal ini berupaya menjawab persoalan dan objektif pertama kajian mengenai latar belakang Kesultanan Selangor. Namun yang demikian, kajian dan penulisan ini tidak membahaskan penglibatan Sultan Alaeddin Sulaiman Shah dari aspek peranan dan sumbangannya di Selangor.

W. E. Maxwell (1890)¹⁴ dalam karya beliau menjalankan perbincangan mengenai salasilah serta latar belakang keturunan diraja Selangor yang mempunyai pertalian darah bangsawan Bugis. Penulis dalam artikel tersebut turut menjelaskan bahawa ayahanda Sultan Selangor Pertama iaitu Sultan Salehuddin Shah berasal daripada Bugis yang terdiri daripada lima orang bersaudara. Walau bagaimanapun, karya ini amat ringkas kerana hanya mengandungi sejumlah empat muka surat sahaja serta huraian pulak tidak padat dan terperinci. Penulis juga tidak menyentuh mengenai pentadbiran Sultan Alaeddin Sulaiman Shah di Selangor serta peranan dan sumbangan baginda terhadap negeri Selangor.

Di samping itu, Barbara Watson Andaya (1974)¹⁵ dalam karya beliau yang bertajuk "*The Installation of The First Sultan of Selangor in 1766*" menganalisis salasilah Kesultanan Selangor yang berasal daripada keturunan Bugis secara lengkap

¹³ Ahmad Farhan Abdullah Zakaria & Mohd. Samsudin, Pembentukan Istilah dan Stratifikasi Aristokrat Melayu Selangor Era Sultan Salehuddin, Sultan Selangor Pertama, 1766-1782, *Akademika* 89(2), 2019.

¹⁴ W. E. Maxwell, The Ruling Family of Selangor, *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, No. 22, 1890.

¹⁵ Barbara Watsons Andaya, The Installation of The First Sultan of Selangor in 1766, *Journal of the Malayan Branch of the Royal Society*, Vol. 47, No. 1(225), 1974.